

## METAFORA BUNGA KIAMBANG DALAM PANTUN MELAYU BERDASARKAN TEORI RELEVANS DAN RANGKA RUJUK SILANG

### THE METAPHOR OF THE KIAMBANG FLOWER IN THE MALAY PANTUNBASED ON RELEVANCE THEORY AND CROSS- REFERENE FRAMEWORK

Zarina Tajuddin<sup>1</sup>  
Anida Saruddin<sup>2</sup>

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
<sup>1</sup>tajuddinzarina@gmail.com, <sup>2</sup>anida@fbk.upsi.edu.my

**Accepted date:** 31 October 2017

**Published date:** 13 September 2018

**To cite this document:** Tajuddin, Z., & Saruddin, A. (2018). Metafora Bunga Kiambang dalam Pantun Melayu Berdasarkan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (16),01-17.

---

**Abstrak:** Pantun Melayu adalah ungkapan berkias masyarakat dahulu. Pantun juga adalah cerminan pemikiran, akal budi serta falsafah bangsa Melayu yang terangkum dalam nilai estetika budaya Melayu sebagai penutur yang berhemah bagi menyampaikan maksud tertentu. Kajian ini melihat metafora bunga kiambang yang digarap menjadi bait-bait pantun Melayu sebagai kuplet-kuplet pembayang atau maksud. Data kajian ini berdasarkan Karya Agung pantun Melayu yang berjudul Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2007) terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kajian ini merupakan kajian analisis teks, menganalisis metafora bunga kiambang daripada empat subtopik, iaitu Bingkis Pemula, Bingkis Bicara, Bingkis Kasih dan Bingkis Penutup dari sudut semantik leksikal yang jelas memaparkan nilai adat, akal budi Melayu dalam pantun. Berdasarkan kajian ini, terdapat siratan makna yang lebih mendalam berkaitan interpretasi bunga kiambang dalam pantun Melayu yang dapat digarap menerusi kaedah Teori Relevans(TR)dan Rangka Rujuk Silang (RRS).

**Kata Kunci:** Metafora, Siratan Makna, Semantik Leksikal, Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang.

**Abstract:** Pantun Melayu is the expression figuratively of the old society. Pantun is also a reflection of the Malay thought, philosophy, and philosophy embodied in the value of Malay aesthetic values as a prudent speaker for conveying a specific purpose. This study looks at the Bunga Kiambang metaphor that has been cultivated into Malay pantun as a reflection and

*meaningful couplets. The data of this study is based on the Malay Works of Harun Mat Piah collection (2007) published by the Dewan Bahasa dan Pustaka. This study is a study of text analysis, analyzing the Flower Kiambang metaphor from four subtopics, Beginners, Talk, Bingkis Kasih and Cover Bingkisan from a lexical semantic angle that clearly illustrates the customary values, the Malay mind in pantun. Based on this study, there is a deeper meaning of interpretation of Bunga Kiambang's interpretation in Malay pantun through the Relevance Theory (RT) and the Cross Referrals Theory (CRT)*

**Keyword:** *Metaphor, Deeper Meaning, Lexical Semantic, Relevance Theory (RT) and the Cross Referrals Theory (CRT)*

---

## **Pengenalan**

Titik ambang pantun sebagai elemen seni pembentuk minda dan peradaban menjadikan karya pantun Melayu diterokai dan dibongkar khasiatnya. Menurut Rahmah Hj. Bujang (1998), pengolahan karya seni oleh masyarakat Melayu khususnya digali dari sudut akal budi dan warisan intelektual. Karya seni perlu dikaji dari sudut ukuran semiotik, iaitu dinilai dari sudut ukuran bentuk dan persembahan. Beliau memetik pandangan Goethe (1951),

“ Seni hanya bertapak di permukaan kejadian alam, tetapi seni memiliki kedalaman dan tarikannya yang tersendiri; yang tercerna di dalamnya detik-detik terpenting sesuatu fenomena buatanya hasil daripada kesedaran dalamnya berkenaan ciri peradaban, ciri keseimbangan yang harmonis hingga lahir daripadanya mercu keindahan, ciri kepentingan, kemuliaan, ciri kemuncak pencapaian perasaan”

Berdasarkan pandangan Goethe (1951) ini, dapatlah ditanggapi bahawa sesuatu hasil seni itu tidaklah sekadar mengekspresi unsur alami, tetapi juga perlu mengolah karya seni sehingga mendampakkan sesuatu keistimewaan yang tersendiri, iaitu tercerna gerak gaya, adat resam, dinamisme masyarakat sehingga memberi kepuasan kepada khalayak berkaitan perasaan yang terbit dari karya seni itu. Ini bermakna seni mengandungi detik-detik terpenting, ciri peradaban, ciri keseimbangan yang harmonis, ciri kemuliaan, yang menukulkan kemuncak perasaan penciptanya.

Rahmah Bujang (1998) menegaskan bahawa proses seni itu sangat integral kepada mencari penggantian nilai hasil keseniannya. Belum cukup dengan hanya melihat seni yang telah siap tanpa memahami proses yang dilalui pencipta seni itu. Apabila teks dapat difahami, secara tidak lansung konteks karya itu dapat menemui keberhasilan mesej yang terungkap. Kuplet kuplet pembayang pantun dalam karya seni itu, memiliki ketajaman motif dan aura yang lebih beerti kepada seseorang jika berjaya difahami dengan paradigma yang objektif.

Pantun juga disifatkan sebagai pola komunikasi yang dapat mencerminkan sikap Melayu (Asmah Hj Omar, 1978). Pemikiran diserlahkan apabila usaha menganalisis pantun dilakukan secara objektif. Van Dphnysen (1920) menyatakan bahawa pantun dapat menyatakan fikiran, tabiat dan perasaan bangsa Melayu. Sumber alam sekitar menjadi elemen yang dimanipulasikan dalam pantun. Antaranya tumbuh-tumbuhan, haiwan dan geografi alam seperti nama negeri, tempat serta bentuk bumi dijadikan khazanah untuk bunyi rima dan baris-baris maksud.

Pantun juga diumpamakan sebagai pencapaian peradaban, iaitu salah satu saluran pengungkapan minda dan pernyataan ekspresi romantis, erotis, kasih sayang, hal-hal sosial dan patriotik.

Melalui kajian oleh Siti Aishah Mat Ali (1996), pantun ditanggapi sebagai gaya berbahasa yang bergaya. Gaya bahasa lisan bergaya digunakan oleh penglipur lara mempunyai ciri-ciri khas yang membezakannya dari gaya bahasa lisan yang digunakan dalam pertuturan seharian. Perbezaan-perbezaan itu wujud dalam pemilihan perkataan, penyusunan ayat, dan penggunaan bunga-bunga bahasa (Hashim Awang, 1994). Antara gaya berbahasa pantun ialah seperti unsur anafora, pengulangan kata yang berselang adab dalam rima, hentian, asonansi serta literasi. Semua perlambangan yang direpresentasikan dalam pantun adalah hasil kutipan pengkarya terhadap sifat alam yang penuh dengan nilai "material culture". Atas dasar inilah para pengkarya menukil pantun dengan menghubungkan antara citra linguistiknya dengan unsur metaforanya.

Metafora dalam kehidupan digunakan untuk menyampaikan pemikiran, perasaan, tindakan yang secara tidak langsung mendidik pendengar untuk memikirkan maksud di sebaliknya kata-kata yang ditulis atau diucapkan. Dalam hal bahasa secara ilmiahnya, metafora seringkali dimanfaatkan sebagai wahana menyatakan maksud dan tujuan tertentu. Konteks perspektif barat misalnya, pandangan Lakoff dan Johnson (1980) mendeskripsikan bahawa metafora sebenarnya wujud dalam kehidupan harian kita, bukan sahaja dalam bahasa, tetapi juga dalam pemikiran dan juga tingkah laku kita. Sistem konseptual kita, iaitu cara kita berfikir dan bertindak sebenarnya berasaskan metafora secara semulajadi. George Lakoff (1990), pula menghuraikan metafora sebagai bahagian sistem pemikiran dan tindakan manusia. Manusia berfikir dengan melihat kemiripan satu pengalaman dengan sesuatu yang lain dan dijelaskan melalui ungkapan yang bermetafora. Dengan kata lain, pengguna bahasa meneroka metafora sendiri tanpa menyedari bahawa kata-kata yang digunakan itu merupakan metafora.

Dalam perspektif ini, Hassan Ahmad (2003) turut merumuskan tiga fakta atau proses penting dalam pembentukan pemikiran Melayu melalui metafora, iaitu:

- (a) metafora dan hasilnya pemikiran Melayu, terbentuk melalui proses pengalaman, akhlah, dan renungan, dan intuisi atau 'rasa hati' sekaligus
- (b) metafora Melayu dibentuk oleh manusia Melayu yang bijak dan pantas fikirannya;
- (c) metafora Melayu menghasilkan suatu sistem pandangan hidup bersama bangsa Melayu atau sistem rangkaian sosial pemikiran Melayu melalui evolusi sosial.

Hassan Ahmad (2003) menegaskan bahawa pemikiran Melayu tidak sampai ke tahap membuat kesimpulan berdasarkan premis yang tidak benar. Hal ini kerana pemikiran Melayu adalah berdasarkan dua kaedah asas, iaitu menguji 'konsep' atau pemikirannya melalui pengalaman sebelum konsep itu dapat diterima kebenarannya dan berdasarkan 'kepercayaan' yang merentas keterbatasan alam fizik untuk memikirkan hal-hal yang ghaib sesuai dengan firman Allah dalam kitab Al-Quran, dengan menggunakan kaedah atau hujah tamsil ibarat.

Sejarah Melayu telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu masa lampau kaya dengan tradisi lisan yang unik dan tersendiri. Wan Ab. Kadir Wan Yusof (1996) menyatakan bahawa pengalaman manusia sebahagiannya telah diterjemahkan dalam bentuk karya pantun yang sedap didengar dan penuh keestetikaan. Ungkapan pantun ini mencakupi bidang akal budi, pendidikan, ekonomi, kepimpinan dan kekeluargaan masyarakat zamannya. Mohd Taib Osman (1996)

mendeskripsikan bahawa pantun sebagai artifak bukan-benda (non-material) yang dimanfaatkan dalam kehidupan orang Melayu sebagai fungsi peradaban. Oleh itu, seseorang akan dapat menilai ketajaman intelektual masyarakat yang dimanipulasikan bagi tujuan membentuk peradaban masyarakat. Peradaban Melayu yang mula-mula menghasilkan pantun berinteraksi dengan alam sekitar melalui pantun yang dihasilkan. Titik ambang penglahiran pantun ini terbukti melalui karya-karya pantun yang mengambil inspirasi dari alam semesta. Mohd Taib Osman (1996) mengukuhkan pandangannya dengan memberi beberapa contoh pantun yang berteraskan alam sekitar dan dimanipulasikan bagi tujuan membentuk peradaban bangsa. Misalnya;

*Tuai padi antara masak,  
Esok jangan layu-layuan,  
Intai kami antara Nampak,  
Esok jangan rindu-rinduan.*

*Kalau padi katakan padi,  
Jangan saya tertampi-tampi,  
Kalau jadi katakana jadi,  
Jangan saya ternanti-nanti.*

**(Sumber: Pantun Pilihan,1988)**

Berdasarkan pantun tersebut, beliau mengeneralisasikan bahawa masyarakat Melayu merupakan golongan atau anggota kelompok yang memiliki pencapaian peradaban yang tinggi. Kemampuan minda masyarakat mengaitkan unsur alam seperti tumbuhan *padi* dan mengamati fenomena yang berkaitan bagi menonjolkan nilai tertentu jelas sekali mengagumkan. Justeru, beliau merumuskan bahawa pantun sebagai naskhah agung yang memiliki 'cultural personality' dan 'material culture' yang tersendiri. Hal ini turut disokong oleh Norazit Selat (1996) yang menyatakan bahawa pantun sebagai wadah orientasi nilai, iaitu gagasannya antara hadir (eksplisit) dan terpendam (implisit). Nilai yang hadir dalam pantun menggerakkan tanggapan (perception), tindakan (action) dan dorongan (motivation). Keseluruhan orientasi nilai dalam pantun didasari oleh Islam dan adat. Kedua-dua komponen ini bertaut secara intergratif dalam wahana lisan masyarakat Melayu.

Dalam konteks manifestasi unsur alam dalam pantun beliau memberi contoh pantun berkiaskan bunga seperti berikut;

*Bunga Melati bunga di darat,  
Bunga Seroja di tepi kali,  
Hina besi kerana karat,  
Hina manusia tidak berbudi.*

**(Sumber: Kumpulan Pantun Melayu, 1983)**

Berdasarkan pantun tersebut, beliau menegaskan bahawa masyarakat Melayu mengaitkan fitrah alam atau sunatullah dalam memanipulasi pantun bagi tujuan menterjemahkan nilai atau mesej

pengkarya. Proses ini dinamakan sebagai *intelligent common sense*, iaitu masyarakat memanipulasi mesej berkaitan budi dengan membuat perbandingan yang bukan bersifat *inferior complex*, tetapi sikap dan kehalusan berbudi yang perlu ada dalam masyarakat.

Pernyataan ini menarik untuk diteliti dan akan diselongkar dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat deskriptif berkaitan pemikiran masyarakat Melayu berkaitan metafora yang terhasil bukanlah wewenang, tetapi merupakan pemetaan konsep yang benar berlandaskan pengalaman dan didasarkan berlandaskan agama dan fitrah. Bagi tujuan kajian ini secara khusus, metafora yang akan diberi perhatian dalam aspek penulisan kreatif, iaitu pantun Melayu ialah metafora bunga. Penggunaan gaya bahasa semantik metafora bunga akan diteliti dalam penulisan pantun dan dilihat sebagai satu alat yang menggambarkan imaginasi puitis. Penggunaan bahasa yang

mencapai makna estetik menanggapi suatu ikatan keindahan. Keindahan pantun yang menampilkan kehebatan dalam sulaman diksi dalam paduan metafora memperlihatkan kuasa kreativiti ditambah pula dengan aspek retorikal yang dianggap sebagai suatu bentuk bahasa yang luar biasa. Dengan mengupas perbincangan berkaitan metafora bunga dalam pantun Melayu sebagai analisis kritis, pengkaji berharap kajian ini dapat memberikan cerminan tentang bagaimana metafora menterjemahkan makna berdasarkan huraian yang lebih jelas menggunakan landasan teoritikal.

Berdasarkan kupasan ini, jelas menunjukkan bahawa pantun digubah dan diolah dengan penuh estetika dan rasional dengan maksud dan mesej yang hendak dilontarkan. Pengkarya bukan sahaja menjalankan tugas sebagai pemerhati alamiah, bahkan juga bertindak sebagai pengatur tempo yang beriringan dengan mesej nalurnya. Pengalamannya dimasukkan dalam pantun dengan baik sekali sehingga ekspresi estetikanya dapat dirasai dan dihayati.

Bertitik tolak daripada fenomena ini, maka kajian ini akan mengkhususkan koleksi pantun yang mengimplementasi metafora bunga yang dikumpulkan oleh pengkarya tersohor, iaitu Harun Mat Piah dalam Karya agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata (2007). Melalui kupasan pantun tersebut yang dilatari oleh sifatnya sebagai identiti Melayu yang unggul, analisis ini diharapkan dapat menebarkan wahana retorika pantun Melayu (2007) dalam perspektif wacana Melayu. Pengumpulan data pantun yang melibatkan hasil kolektif tradisi masyarakat Melayu, masa lampau dan masa kini, iaitu melibatkan sejumlah 4000 pantun telah berjaya diisihkan dalam perspektif metafora bunga.

Harun Mat Piah (2007) mengibaratkan koleksi pantunnya ini sebagai bunga angsoaka, iaitu sejenis pohon yang berbunga indah, tumbuh dipuncak gunung yang tinggi satu bentuk perlambangan untuk menunjukkan keindahan dan ketinggian mutu ciptaan pantun tersebut sebagai daya pengalihan fikiran masyarakat Melayu. Sebahagian sejumlah pantun tersebut, terdapat kolektif pantun yang menggunakan elemen bunga sebagai metafora dalam kuplet pembayang dan kuplet maksud.

Menurut Harun Mat Piah (2007), konsep bunga dimanipulasikan dengan mesej yang hendak disampaikan oleh penyair pantun berdasarkan beberapa aspek. Antaranya kepekaan dan keajaiban realiti kepada alam semesta, kekaguman terhadap struktur dan sistemnya, perulangan musim dan pasang surut lautan, pemahaman terhadap sifat binari dan dualisme alam yang telah diolah oleh penyair untuk menyerlahkan ekspresinya atau motif nalurnya. Motif bunga yang

terdapat dalam karya Hamzah Fansuri misalnya, diolah dengan motif bunga sebagai individu yang ghairah dalam bercinta. Misalnya, diinterpretasikan dalam pantun ini,

*Batang gelam batang kenanga,  
Sena lambang menimpa pundung,  
Kumbang mengidam nak seri bunga,  
Bunga kembang di puncak gunung.*

(Sumber: Kalung Bunga, 2001)

Bunga kenanga dimanipulasikan bagi menonjolkan sifat pencinta yang tegar dan teguh akan cintanya. Sifat ini diekspresikan melalui sifat realiti bahan alam, iaitu bunga kenanga tersebut. Tumbuhan ini merupakan tumbuhan liar yang tumbuh subur di daerah yang tinggi 1200 meter dari aras laut. Bunga kenanga biasanya ditanam sebagai peneduh halaman rumah dan ditepi-tepi jalan kerana sifatnya yang tahan dengan pelbagai keadaan cuaca. Sifat intrinsik bunga ini diimplementasikan sebagai sifat lelaki yang sangat teguh akan cintanya diterjemahkan melalui pantun tersebut berjaya dijana oleh penyair. Keunikan penyair dalam memanipulasikan bahan alam ini menunjukkan ketajaman daya taakul penyair dalam menyerlahkan acuan pemikiran Melayu.



**Rajah 1.2.1 Bunga Kenanga sebagai lambang cinta lelaki yang tegar**

Dalam koleksi pantun Harun Mat Piah (2007), terdapat nukilan Alias Yunos (1966) yang berbunyi;

*Lebat daun bunga tanjung,  
Berbau harum bunga cempaka,  
Adat dijaga pusaka dijunjung,  
Baru terpelihara adat pusaka.*

(Sumber: Pantun Melayu Sastera Rakyat, 1966)

Berdasarkan pantun ini, mesej penyair ialah untuk menyatakan kepentingan seseorang itu menghargai warisan pusaka dengan menggunakan kuplet pembayang daripada bunga tanjung dan bunga cempaka. Sifat bunga cempaka dan bunga tanjung yang sering menjadi bunga ritual dan budaya dijadikan sebagai elemen peneguh kepada motif yang dihajatkan, iaitu memelihara warisan adat pusaka. Kedua-dua bunga ini sering digunakan untuk penyeri di laman rumah dan

istana, selaian digunakan dalam upacara-upacara penyeri dalam mandian dan majlis tertentu. Justeru, pengkajian yang lebih mendalam perlu lagi dilanjutkan bagi membuat interpretasi inkuisitif terhadap hubungan kaitan bunga-bunga ini dengan makna kelestarian adat pusaka. Maka sudah tentulah kajian yang berbentuk inkuisitif perlu dilaksanakan seperti kajian ini yang sememangnya amat berharga dalam usaha mendidik masyarakat menyelongkar upaya intelektual dan daya taakul pengkarya dalam penciptaan pantun.



**Rajah 1: Bunga Tanjung dilambangkan sebagai kelestarian adat pusaka.**

### **Objektif Kajian**

Tujuan penyelidikan ini dibuat berasaskan tiga (3) objektif dominan;

- a) Meneliti metafora bunga yang diaplikasi dalam karya agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2007).
- b) Menganalisis makna metafora bunga dalam karya agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2007) menggunakan Teori Relevans (1976) dan Teori Rangka Rujuk Silang (1984).
- c) Menghuraikan justifikasi metafora bunga dalam karya agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2007) menggunakan Teori Relevans (1986) dan Teori Rangka Rujuk Silang (1984).

### **Kerangka Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986)**

Sesuatu kajian linguistik boleh dianggap sebagai saintifik jika mampu memenuhi tiga ciri, iaitu kepada memerhati, menghurai dan menjelaskan fenomena berdasarkan teori yang sesuai. Kajian ini menggunakan kerangka Teori Relevans (1986). Teori ini yang menyangkut komunikasi dan kognisi mampu membantu kita memahami ujaran yang dihasilkan dengan sistematik dan saintifik. Teori ini akan membantu kita memahami ujaran melalui proses-proses yang telah ditetapkan dengan menggunakan konsep-konsep seperti

- i) konteks
- ii) kesan konteks
- iii) usaha memproses maklumat atau kos proses

Idea utama yang diketengahkan oleh Teori Relevans (1986) adalah setiap ujaran membangkitkanjangkaan yang relevan yang mencukupi dan boleh dijangkakan untuk

memandu atau membantu pendengar memahami maksud penutur dengan cara yang munasabah. Dengan berdasarkan Prinsip Kognitif Relevans, kognisi manusia dikatakan cenderung untuk memaksimumkan relevan berdasarkan kepada set andaian, iaitu andaian kognisi dan andaian umum. Setiap tingkah laku dalam komunikasi bersifat ostensif dalam menyampaikan satu andaian relevan yang optimum. Dengan kata lain, penutur perlu memberi rangsangan yang dapat menggalakkan pendengarnya mengandaikan bahawa ujaran tersebut relevan dan berbaloi diproses. Hal ini dipersetujui oleh Speber dan Wilson (1986) bahawa sesuatu input adalah lebih relevan sekiranya infrens adalah seperti yang dikehendaki.

### **Konteks**

Konteks adalah sebarang maklumat yang membantu seseorang memahami ujaran yang dihasilkan lantaran ujaran daripada penutur menghasilkan secara tidak langsung maklumat asas yang bersifat eksplisit dan implisit. Dalam usaha memberikan pemahaman yang jitu kepada pendengar, penutur perlu memastikan ujarannya mendapat respon yang baik daripada pendengar. Dalam prinsip utama Teori Relevans (TR), kognisi manusia memerlukan perhatian dan interpretasi yang baik melalui beberapa set pra andaian. Dalam hal ini, andaian terbit daripada konteks maklumat yang digagaskan dalam ujaran, iaitu semakin jelas konteks semakin jelas juga praandaian sekaligus menerbitkan infrensi yang hampir dengan mesej penutur. Verschueren (1999) menyatakan bahawa kenyataan yang eksplisit lazimnya akan mengandungi maksud implisit. Dengan kata lain, kenyataan yang eksplisit biasanya mempamerkan makna praandaian sekaligus menerbitkan infrensi optimal terhadap sesuatu ujaran.

### **Kesan konteks**

Kesan konteks ialah kesan kognitif atau andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar, semasa menyampaikan ujaran penutur seharusnya bertanggungjawab memastikan ujarannya mengandungi maklumat yang sama dengan perhatian pendengar. Menurut Sperber dan Wilson (1986) apabila sesuatu rumusan terhadap ujaran dibuat ini bermakna ujaran tersebut amat relevan dengan penaaakuan dan persepsi pendengar. Proses penaaakuan atau interpretasi daripada pendengar berbentuk andaian awal atau andaian tambahan yang dianggap relevan dengan ujaran tersebut. Hal ini bermakna, persepsi yang dibuat oleh pendengar terhadap ujaran penutur mencapai relevan yang optimal. Relevan yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Oleh itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan.

### **Kos Proses**

Kos memproses merupakan usaha memahami maklumat ujaran. Sekiranya usaha memahami maklumat ujaran mudah, maka kos proses memahami ujaran tersebut dianggap rendah. Akan tetapi, jika ujaran yang dihasilkan itu memiliki maklumat tersirat yang memerlukan usaha mentafsirkan dilakukan secara berlapis-lapis, maka usaha ini akan meningkatkan lagi kos memproses sesuatu ujaran. Sesuatu ujaran akan dianggap kurang relevan sekiranya kos memproses adalah tinggi.

Teori ini menuntut tanggungjawab yang amat berat di pihak penutur kerana teori ini berpendapat bahawa penuturlah merupakan punca penyebaran maklumat. Dengan mengeluarkan ujaran, penutur dengan secara tidak langsung menuntut perhatian daripada pendengar. Pendengar hanya



akan memberikan perhatian kepada apa yang diturkan dan berbaloi dengan usaha yang diberikan. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa jika sesuatu ujaran hendak mendapat respons yang baik daripada pendengar dan seterusnya menjadi relevan, maka penutur haruslah memastikan ujarannya memenuhi tuntutan itu. Ini selari dengan prinsip relevan bahawa andaian asas kognisi manusia berorientasikan relevan. Pendengar selalunya akan menumpukan perhatian kepada maklumat yang relevan dengan dirinya. Dengan meminta perhatian, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan. Interpretasi yang terbaik adalah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini. Satu kelebihan teori ini berbanding dengan teori pragmatik lain adalah keupayaan penciptanya menyelesaikan masalah bahasa figuratif.

### **Pengayaan**

Berdasarkan huraian Sperber dan Wilson (1986), pengayaan dilakukan dengan melakukan penggabungan, iaitu andaian baharu yang boleh digunakan bersama-sama dengan maklumat yang sedia ada dalam konteks untuk menghasilkan implikasi konteks. Kedua, pengukuhan andaian sedia ada, iaitu andaian baharu yang boleh mengukuhkan sesetengah andaian konteks yang sedia ada.

### **Pemilihan Rujukan**

Sperber dan Wilson (1986) menetapkan bahawa pemilihan rujukan adalah salah satu sub-konsep yang penting bagi memastikan ujaran itu dapat difahami oleh pendengar. Prosedur ini terpakai dengan cara yang sama bagi menyelesaikan masalah ketidakbolehtentuan (*underdeterminacies*) linguistik pada peringkat eksplisit dan implisit. Dalam hal ini, pendengar mestilah membentuk suatu hipotesis terhadap makna penutur yang dapat memenuhi andaian relevans yang disampaikan oleh sesuatu ujaran. Dengan kata lain, objek rujukan boleh bertindak mengukuhkan pemahaman sesuatu ujaran.

### **Rangka Rujuk Silang (Kempson 1984)**

Salah satu konsep penting yang diperkenalkan oleh Kempson (1984) dalam Teori Relevans (1986) ialah Rangka Rujuk silang (RRS). Rangka Rujuk Silang (RRS) ialah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Lazimnya, maklumat awal mengenai apa yang diperkatakan tidak wujud dalam ujaran yang didengar, tetapi premis tambahan mampu menginterpretasi maklumat dengan lebih baik. Dengan kata lain, anteseden yang diperoleh melalui Rangka Rujuk Silang (RRS) memastikan maklumat terdahulu dan maklumat yang wujud selepasnya mampu menyediakan konteks yang jelas ditambah pula peranan kognisi pendengar telah berjaya menghasilkan interpretasi yang tepat terhadap makna.

### **Permasalahan Kajian**

Menyorot kajian yang lepas, tidak banyak pengkaji yang melakukan kajian tentang metafora atau kiasan dalam pantun terutama yang mengandungi unsur alam seperti flora dalam pembayang dalam pantun Melayu an menjadi khazanah bangsa. Kajian terdahulu hanya ditemui tentang simbol-nsimbol dalam pantun dan gaya bahasa yang umum sahaja. Namun begitu, metafora hanya dihuraikan secara selapis sahaja iaitu pemerincian metafora merujuk kepada makna semata-mata tanpa mengaitkan dengan domain yang membina makna *bunga* secara terperinci. Lantaran dari kelompongan fenomena ini atau pelbagai kekangan, kajian ini perlu dilanjut bagi meneliti sejauh mana dimensi bunga sebagai metafora dilambang dan dibina dalam konteks

pemikiran Melayu khususnya dalam aspek gaya bahasa berkias dalam pantun. Pengkaji telah mengkategorikan kajian-kajian lalu kepada beberapa kategori, iaitu Perspektif Metafora dalam Pantun sebagai Falsafah Bahasa, Perspektif Metafora Dalam Pantun Sebagai Hubungan Akal Budi atau Pemikiran, Perspektif Metafora Dalam Pantun sebagai Entiti Sastera dan Perspektif Metafora Dalam Pantun Sebagai Perlambangan Budaya dan Bangsa.

Dalam Perspektif Metafora dalam Pantun Sebagai Falsafah Bahasa, kajian-kajian lepas yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji yang dikategorikan dalam kumpulan ini ialah Norita Ariffin (2006), Shuib (2005) dan Mohd. Rashid Md. Idris (2009). Kekuatan kajian ini sedikit sebanyak memberi cambahan pemikiran bahawa penciptaan pantun diadasi oleh falsafah pemikiran yang tinggi dan estetik, namun penghuraian metafora terbatas kepada nilai puitis dan bukan pemerian deskriptif dan saintifik. Kajian-kajian dalam kategori ini juga bersifat kajian permukaan dan pemaparan manifestasi dan bukan bersifat analitikal.

Kategori kajian dalam Perspektif Metafora dalam Pantun Sebagai Hubungan Akal Budi atau Pemikiran melibatkan pengkaji seperti Hassan Ahmad (2003), Nor Hashimah Jalaluddin (2014), Muhammad Fazillah Hj Zaini (2015), dan Zulkifley dan Nirwana (2017). Kepincangan kajian – kajian ini walaupun menganalisis metafora dalam pantun kepada bentuk deskriptif dan setengah kajian tersebut digagasi oleh teori yang autentik, namun penghuraian metafora tidak dapat dianggap sebagai mengandungi proses pemikiran yang kompleks kerana generalisasi yang diterbitkan hanya memperlihatkan fenomena pemerhatian terhadap lakuan bahasa dan interaksi dengan alam sekelilingnya dan bukan bersifat persoalan inkuisitif.

Selanjutnya kategori kajian dalam Perspektif Metafora dalam Pantun Sebagai Entiti Sastera melibatkan pengkaji Zurinah Hassan (2012), Johari Yahya (2015) dan ialah Eizah Mat Hussin, Tengku Intan Marlina dan Salinah Jaafar (2016). Kepincangan kajian-kajian lalu dilihat dari sudut analisis deskriptif yang masih berkisar dalam perspektif puitis sastera, walaupun perbincangan mereka berjaya menghuraikan keestetikaan pantun dari sudut sastera, namun pengamatan aspek leksikal kurang diteliti, sebaliknya hanya interpretasi sastera secara holistik. Kajian-kajian dalam kelompok ini memberi kelebihan dari sudut pendekatan gunaan dan moral yang mengeneralisasikan nilai-nilai kemelayuan menjadi dasar yang terangkum di dalamnya persoalan kepercayaan, kebudayaan dan seluruh cara hidup orang Melayu itu sendiri. Selain itu, kajian-kajian yang terangkum dalam Perspektif Metafora dalam Pantun Sebagai Peradaban Budaya dan Bangsa

### **Kajian Multi Perspektif**

Berdasarkan kelompangan kajian-kajian lalu ini, maka pengkaji menamakan kajian ini sebagai Kajian Multi Perspektif, iaitu menghuraikan metafora bunga dalam pantun Melayu dengan memberi nilai tambah dalam aspek berikut;

- I. Penghuraian metafora bunga dalam pantun Melayu bukan secara wewenang atau sebagai peranti estetik semata-mata, tetapi dihuraikan secara berteori untuk memastikan hasil dapatan bersifat autentik dan diakui perwajarannya.
- II. Penghuraian metafora bunga dalam pantun Melayu bersifat inkuisitif, iaitu perincian analisis menghubungkan aspek makna dan konteks serta rujukan anteseden sehingga menyerlahkan akal budi atau mesej penciptanya.

- III. Penghuraian metafora bunga dalam pantun Melayu menghasilkan generalisasi rintis berkaitan peradaban bangsa dan budaya Melayu.

### **Metodologi**

Kajian ini melibatkan proses pengumpulan data dan penjanaan data. Kajian ini bersifat kajian kualitatif yang memafaatkan teks sebagai data kajian. Menurut Kamarul Azmi Jasmid (2012), pengkaji kualitatif berupaya menangkap hal yang secara sebenar terjadi dan yang dikatakan subjek pengkajian, Kajian ini menggunakan karya agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata koleksi Harun Mat Piah (2007) sebagai bahan utama dalam mendapatkan sumber data metafora bunga dalam pantun. Setelah diteliti, sebanyak 222 kuplet-kuplet pembayang pantun dan kuplet-kuplet maksud pantun berkaitan dengan metofora alam flora terutama unsur *bunga* yang digarap bagi memberi makna dalam teks pantun. Kajian ini merupakan satu kajian analisis bahasa kiasan atau metafora yang mengandungi unsur-unsur flora. Oleh sebab, kajian ini mahu menerangkan fungsi bunga sebagai metafora dalam kuplet-kuplet pantun, maka teori yang diguna pakai dalam kajian ini menggunakan Teori Relevans (1986) dan Rangka Rujuk Silang (1984) yang dapat menyatakan kerelevan penggunaan metafora Bunga Kiambang bagi melambangkan pantun Melayu bukan sahaja memiliki nilai estetika, antropologi dan nilai sastera dalam pantun, malah memiliki nilai intelektual yang bersifat inkuisitif. Perspektif inkuisitif dapat memerihalkan metafora bunga yang mencerminkan budaya, falsafah dan pemikiran Melayu. Proses analisis dan pengekodan melibatkan pembinaan senarai semak.

### **Analisis Metafora Bunga Kiambang Dalam Pantun Sebagai Cerminan Pemikiran Melayu**

Metafora bunga yang diaplikasikan dalam Pantun Melayu: Bingkisan Permata Harun Mat Piah (2007) mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan dan pemikiran bangsa Melayu. Sebagai salah satu elemen penyerlah akal budi bangsa Melayu, penciptaan pantun yang mengimplimentasikan metafora bunga sangat terikat dengan adat istiadat Melayu lama. Seajar dengan itu, menerusi metafora bunga dalam pantun Melayu, pengkaji dapat mengenal pasti falsafah dari sudut struktur sosial bangsa Melayu lama, sikap, aktiviti kehidupan yang mereka anuti. Pantun Melayu yang memanfaatkan metafora bunga berdasarkan pengalaman hidup turut memancarkan nilai dan identiti hati budi orang Melayu itu sendiri. Wilkinson (1907) ada menyatakan bahawa melalui pantun, sifat-sifat serta perwatakan orang Melayu juga dapat diketahui daripada metafora berunsurkan alam flora.

Penciptaan sesuatu metafora seperti metafora bunga dalam pantun lazimnya berdasarkan fenomena sebenar kehidupan masyarakat. Hamilton, (1947) turut menyatakan bahawa pemikiran bangsa Melayu sering berdasarkan interpretasi terhadap alam kehidupan yang mereka tempuhi. Dalam pantun, biasanya terpancarnya hubungan antara bahasa dengan pemikiran bangsa Melayu. Cara bangsa Melayu memandang dunianya tersimpul dalam peribahasa yang dicipta mereka. Hal ini menunjukkan benarnya pernyataan hipotesis Sapir-Whorf. Sapir (1921) menjelaskan bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya. Cara seseorang penutur berfikir dalam bahasanya tergambar menerusi penggunaan sesuatu perkataan itu dengan lebih meluas. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa bahasa adalah bahagian integral, iaitu yang perlu atau yang menjadi sebahagian daripada hidup manusia.

Akal budi menyerlahkan pemikiran sesuatu identiti atau bangsa.

Menurut Aziz Deraman (2007), pemikiran akal budi merujuk kepada sesuatu yang difikirkan dan dicernakan yang menghasilkan produk saranan, idea atau konsep sekaligus membina kepercayaan dan ideologi. Konsep-konsep dalam akal budi dan ketamadunan bangsa banyak diterjemahkan menerusi penggunaan bahasa sama ada berbentuk lisan atau pun dokumentasi. Gambaran dalam bentuk bahasa ini pula berbeza-beza mengikut tahap keupayaan kebahasaan penutur sesuatu anggota masyarakat (Raja Moktaruddin, 1971). Dalam pada itu, Asmah (1993) melihat perkaitan bahasa dengan pandangan dunia masyarakat penuturnya melalui kenyataannya seperti:

*“Kemampuan manusia melakukan persepsi terhadap alam nyata dan di samping itu menimbulkan apa yang dipersepsikan dalam konsep-konsep yang diwujudkan oleh bahasa merupakan pandangan atau penglihatannya terhadap dunianya (worldview, weltanschauung). Dengan demikian unsur-unsur bahasanya yang merupakan teropong penglihatan dunianya itu tidak hanya terbatas kepada perbendaharaan kata tetapi meliputi juga unsur-unsur nahu”.*

Berdasarkan kenyataan di atas, unsur-unsur bahasa seperti leksis, sintaksikal serta aspek pemaknaan memainkan peranan yang penting dalam mencerminkan budaya, pemikiran, falsafah, dan nilai-nilai sesuatu masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan metafora dalam sesebuah pantun juga mewakili gambaran minda penuturnya. Objek yang diprojeksikan dalam pantun mewakili konstruk idea dan motif yang hendak disampaikan. Pengkajian yang komprehensif bersandarkan teori yang relevan misalnya, dalam kajian ini metafora bunga dalam pantun akan dikaji menggunakan Teori Relevans (1986) dan Teori Rangka Rujuk Silang (1984) akan dapat menyerlah inkuisitif bangsa Melayu. Dalam hal ini, disiplin semantik dijadikan sandaran utama untuk menyelami fenomena bahasa khususnya metafora bunga sebagai manifestasi pemikiran masyarakat dengan lebih komprehensif lagi.

Artikel ini akan menganalisis metafora bunga kiambang dalam pantun koleksi Harun Mat Piah (2007). Proses analisis melibatkan pemetaan domain sumber dan domain sasaran seperti berikut;

### **Analisis Domain Sumber**

Pengkaji memberi makna konteks bagi domain sumber yang membantu menyerlahkan makna selapis domain sasaran dalam pantun Bunga Kiambang;

Bingkis Bicara;

*B1SBSB Sayangkiambang bunga kiambang,  
B2SBSB Kiambang sekuntum dalam perigi;  
B3SBSB Cahaya sungguh bulan mengambang;  
B4SBSBAwan juga membawa diri.*

*Dewan Sastera, Majalah Bulanan Dewan Bahasa.Kuala Lumpur*

**Jadual 1: Proses Pemetaan Domain Sumber ke Domain Sasaran**

Domain Sumber	Makna Konteks	Makna Selapis Domain Sasaran
<i>B1SBSB Sayang Kiambang Bunga Kiambang</i>	Bunga Kiambang yang mengapung di dalam air	Metafora bunga kiambang di dalam pantun ini diumpamakan dengan sifat bunga kiambang yang mampu tumbuh di dalam air dan tidak memerlukan sokongan tumbuhan lain untuk hidup. Jadi, seseorang itu perlu mampu terus berdikari serta teguh dan tenang dalam menghadapi emosi yang tidak menentu apabila didatangi dengan pelbagai masalah dalam kehidupan.
<i>B3SBSB Kiambang sekuntum dalam perigi</i>	Bunga kiambang tumbuh bersendiri	
<i>B3SBSB Cahaya sungguh bulan mengambang</i>	Jiwa yang gelisah	
<i>B4SBSB Awan juga membawa diri</i>	Masalah tetap diharungi	

### **Pentafsiran Selapis Domain Sumber ke Domain Sasaran**

Pantun tersebut membawa makna kiambang diibaratkan sebagai entiti diri yang cekal dan tidak memerlukan pergantungan, walaupun persekitaran tiada penyokong yang membantunya untuk terus hidup. Bunga kiambang diaplikasi bagi menonjolkan elemen keupayaan diri yang boleh hidup secara sendiri. Secara zahirnya, Bunga Kiambang yang hidup di dalam air dan daripada penelitian sifat flora yang berwarna hijau, membawa makna lambang kekuatan hidup, namun perlu kesungguhan dan semangat yang tidak putus asa. Falsafah perigi itu mampu menyerlah kepompong hidup seseorang yang terasing dan tiada pergantungan sesiapa. Selain itu, bunga Kiambang juga diibaratkan sebagai lambang sifat yang berubah-ubah.

Bulan dilambangkan sebagai emosi yang berubah-ubah. Emosi manusia ada pasang surutnya, iaitu kadangkala gembira dan kadangkala pula gelisah, risau dan marah. Apabila seseorang ditimpa kesedihan, sukar untuk seseorang itu mengharungi kehidupan yang memerlukan ketabahan dan kekuatan menghadapi cabaran. Emosi yang sedih ini dilambangkan seperti bulan yang tidak terlau terang (Purnama). Seseorang yang cekal tidak akan takut pada masalah dan tidak menghindari daripada menghadapi masalah tersebut. Hal ini terserlah disampaikan dalam frasa *Cahaya sungguh bulan mengambang*. Manakala frasa *Awan juga membawa diri* bermakna walaupun didatangi dengan pelbagai masalah, perkara itu tetap akan ditempuh dan diharungi.

### **Perspektif Bunga Kiambang Berdasarkan Teori Relevans (1986)**

Teori Relevans menekankan konteks, kesan konteks dan kos proses dalam mentafsirkan ujaran atau maklumat yang diperoleh. Berdasarkan pantun tersebut, kita dapat memahami bahawa bunga kiambang diaplikasikan kerana dapat menyerlahkan sifatnya yang teguh, kukuh dan kuat. Misalnya dari sudut KONTEKS LOKASI, pertumbuhan bunga kiambang, hidup di air seperti paya dan tasik, membiak dengan cepat dan bertaut dengan tumbuhan yang lain menunjukkan sifatnya yang mampu tumbuh dan hidup menyatu dengan tumbuhan lain. Selain itu, pada setiap permukaan yang tidak berarus, kiambang akan hidup dengan selamat. Dari sudut KONTEKS FALSAFAH pula, bunga kiambang merupakan tanaman yang diibaratkan sebagai ketenangan, kedamaian, ketenteraman dan bebas. Filosofi bunga kiambang ibarat seseorang yang bebas bersendiri dan tenang dengan caranya yang tersendiri. KONTEKS KIASAN, bunga kiambang dijadikan peribahasa Melayu yang dominan dengan perdamaian, penyelesaian sengketa sesama bangsa "*Biduk berlalu dan kiambang pasti bertaut kembali*" yang menunjukkan bahawa kiambang disifatkan sebagai elemen yang kental mengharungi badai dan masalah dan cuba untuk menghadapinya dengan tenang. Dari sudut KONTEKS PSIKOLOGI pula, selain itu, bunga kiambang dijadikan wadah sastera dalam menulis tentang perasaan kasih dan sayang dalam menyatakankan emosi terhadap seseorang yang dikagumi, dikasihi dengan meneliti lirik puisi

yang dimanifestasikan dalam lagu dan syair oleh pengkarya muzikal. Hal ini kerana sifat kiambang yang teguh dan menggambarkan jiwa yang penuh pengharapan kepada ketenangan dan kedamaian. Dari sudut KONTEKS WARNANYA pula, kiambang adalah tumbuhan pakupakis yang daunnya disebut sebagai bunga atau flora berwarna hijau. Hijau adalah warna agama yang melambangkan peraturan kehidupan dan manusia mesti berlandaskan agama bagi membataskan manusia melakukan perkara-perkara yang mungkar. Kesemua konteks ini jelas menyerlahkan sifat kiambang yang mampu hidup mandiri dan tumbuh harmoni bersama hidupan lain di dalam air. Jadi konteks-konteks ini meninggalkan kesan konteks yang akhirnya memahamkan pendengar dengan mesej pantun. Sekiranya konteks ini dapat ditanggapi dengan baik oleh pendengar, maka pantun ini melivatkan kos memproses yang fendah, akan tetapi jika berlaku tafsiran makna yang berlapis-lapis oleh pendengar, maka kos proses menjadi tinggi. Dalam konteks pantun ini, makna kiambang disampaikan dengan begitu teradun dan berhati-hati oleh pengkarya. Konsep-konsep lain seperti leksikal *perigi*, *bulan*, *awan* dan *pergi* diadunkan bersekali dengan leksikal kiambang bagi menyerlahkan mesej yang dihajati. Oleh itu, kesemua konsep ini menjadi pengukuh awal kepada pemahaman mesej yang dihajatkan pemantun.



**Rajah 2: Bunga Kiambang**

### **Perspektif Bunga Kiambang dalam Rangka Rujuk Silang (1984)**

Makna bunga Kiambang diteliti secara mendalam dari sudut konteks luarnya, iaitu dari sudut sejarah, sains dan kesihatan.

#### **i. Sudut Sejarah**

Bunga Kiambang merupakan spesies tumbuhan yang mengapung di permukaan air. Tumbuhan ini memiliki akar yang serabut. Dalam konteks masyarakat Melayu, kiambang diibaratkan kepada kehidupan yang saling tolong –menolong. Peribahasa Melayu yang berbunyi, ‘biduk berlalu, kiambang bertaut’ memberi makna bahawa apabila berlaku sesuatu masalah atau persengketaan dapat diselesaikan, dan hubungan pihak yang bertelagah akan bersatu dan kembali membina hubungan yang erat.


#### **ii. Sains**

Seluruh bahagian pokok kiambang dikatakan mengandungi banyak kalium dalam bentuk kalium klorida dan kalium sulfat dan bahan pahit yang akan larut dalam air di mana ia tumbuh. Kiambang berbentuk kecil, lonjong, memiliki daun di sepanjang batang, memiliki batang yang bercabang tumbuh mendatar, berbuku-buku, ditumbuhi bulu dan panjangnya dapat mencapai 30 cm. Pada setiap buku terdapat sepasang daun yang mengapung dan sebuah daun yang tenggelam.

#### **iii. Kesihatan**

Daun dikatakan boleh diminum untuk merawat batuk dan sifili. Tumbuhan ini juga digunakan sebagai air mandian untuk mengurangkan masalah kembung air di perut. Seluruh bahagian pokok dikatakan jika ditumbuk lumat boleh dijadikan ubat tampal pada kulit perit dan merawat penyakit kulit yang lain. Kiambang yang direbus dapat menjadi minuman untuk merawat haid yang tidak menentu dan melwas pembersihan air kecil dan besar.

**Perspektif Bunga Kiambang Berdasarkan Teori Relevan dan Teori Rangka Rujuk Silang**



**Rajah 3: Analisis Metafora Bunga Kiambang berdasarkan TR dan RRS**

Berdasarkan pendeskripsian Bunga kiambang dalam Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang, jelas ditanggapi bahawa bunga kiambang diibaratkan sebagai simbol jiwa yang kental (simbol sejarah, konteks lokasi), tenang (konteks kiasan, dan psikologi), harmoni (konteks psikologi, iaitu diibaratkan sebagai perdamaian dari persengketaan, dan konteks lokasi dari sudut tumbuhnya yang bertaut dengan tumbuhan lain di dalam air), kekuatan (zatnya yang terdapat pada fungsi kesihatan), dan selamat (konteks warna hijau melambangkan agama) sangat bertepatan dengan nilai bunga kiambang yang berjiwa cekal, mandiri, damai, tenang dan teguh menghadapi liku-liku kehidupan). Pantun tersebut menukilkan agar kita menjadi seperti kiambang yang tetap hidup dan membentuk jiwa yang harmoni walau pelbagai masalah melanda.

Pemilihan rujukan yang tepat berdasarkan RangkaRujuk Silang dapat membantu memberi pengayaan untuk mengukuhkan maklumat konteks, sekaligus interpretasi dapat dilakukan.

### **Kesimpulan**

Perkaitan fenomena metafora bunga kiambang yang dibincangkan dalam konteks bahasa figuratif seperti pantun, menyerlahkan ketajaman daya taakul pengkarya dalam mencipta pantun. Justeru wadah ini perlu dihargai di samping dihayati serta ditelusuri secara berilmiah bagi mengupasintipati azimat leluhur bangsa untuk peradaban masyarakat. Jika diamati, proses penciptaan pantun banyak dipengaruhi oleh kemampuan pemikiran dan pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar. Upaya masyarakat menghasilkan makna tersirat yang terakam dalam pantun, membuktikan masyarakat Melayu menjadikan wahana ini sebagai medan pengasahan minda Melayu. Oleh itu, dapatlah ditanggapi dengan berpeda bahawa bunga kiambang ini memiliki falsafah semantik yang inkuisitif, iaitu bukan sahaja sebagai bunga yang teguh dan harmoni sifatnya (lokasi), selamat (warnanya), atau bermanfaat (zat-zat kesihatan) serta mandiri dan bebas (mengapung di air dan mampu tumbuh bersama hidupan lain). Secara inkuisitifnya, kiambang yang hidup secara terapung di permukaan air yang tidak mempunyai arus pergerakan mengalir atau tenang memberi kita tafsiran bahawa masyarakat Melayu adalah bangsa yang cekal, teguh, cintakan kedamaian, keharmonian dalam dan kental mengharungi kehidupan sejangat.

### **Rujukan**

- Abdullah Hassan, Aripin Said dan Ainon Mohd. (2009). *Pantun & gurindam untuk majlis rasmi & perkahwinan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.
- Alias Yunos. (1966). *Pantun Melayu sastera rakyat*. Penerbit Federal: Singapura
- Asmah Haji Omar. (1978). *Pengajaran bahasa malaysia dalam konteks perancangan Bahasa kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Salinah Jaafar, (2016). *Simbol tumbuhan dalam pantun dari perspektif puitika sastera*. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan membentuk Epistemologinya*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan
- Haryati Shaffi (2010). *Kelestarian pantun*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya
- Harun Mat Piah. (2001). *Pantun Melayu: bingkisan permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izatul Bahiyah Abdul Manap. (2007). *Budi bahasa kita melalui pantun Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Johari Bin Yahaya (2015) *Pantun peribahasa Melayu: Analisis daripada perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Za'ba. (2001). Malaysia: Pustaka Antara Books.
- Marina Taib. (2008) *Peranan Pantun sebagai alat terapi dalam masyarakat Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md Idris, Siti Khairiah Mohd Zubir dan Abdullah Yusof. (2010). *Nilai Estetik dan Intelek dalam pantun*. Tanjong Malim, Perak: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam pantun*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.



- Mohd Yusof Md. Nor dan Abd. Rahman Kaeh. (1985). *Puisi Melayu tradisi*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Taib Osman. (1996). *Pantun sebagai penceritaan minda Melayu*. Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malaya
- Norazit Selat. (1996). *Urban survival: The Malays of Muar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Haji Salleh. (1996) *Perayaan metafora : Kias dan ibarat di pentas pantun*. Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). *Pemugaran Penyelidikan Untuk Pemerkasaan Bahasa Institut Alam dan Tamadun Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Hashimah Jalaluddin (1990). *Semantik dan Pragmatik Dalam Teori Relevans*. Jurnal Dewan Bahasa Jun 1990 (450-459). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahmah Hj. Bujang. (1998). Pengalaman dan Keindahan Seni Teater. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 9, 167-186.
- Sperber, D. & Wilson, D. 2006. *Relevance Theory*. 2006.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. (Terjemahan oleh Nor Hashimah Jalaluddin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tunku Abdul Rahman Putra (1980). *Pandang Balik*. Petaling Jaya:
- Tenas Effendy. (1990). *Kelakar dalam Pantun Melayu: Tinjauan singkat*. Yoqyakarta. Bayu Indra Grafika.
- Von Humboldt, W. (1767). *From "thought and language" to "thinking for speaking"* University Press.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof. (1996). *Seni dan budaya dalam kreativi pantun*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Wan Kadir Wan Yusoff. Peny. (1996). *Pantun -Manifestasi minda masyarakat*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Winstedt, R.O 1923, "A Set of Alphabet Pantuns" K.L; Oxford Universiti Press
- Siti Aishah Mat Ali. (1996). *Pantun Melayu: manifestasi keceriaan dan kepupusan Penuturnya*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur alam dalam puisi Melayu Moden*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.